

Perhimpunan Agung UMNO kali ini dijangka 'panas'

PUTRAJAYA. 8 Nov. - Perhimpunan UMNO yang bermula minggu depan dijangka 'panas' dengan perbahasan membabitkan perkembangan parti dan isu orang Melayu serta negara, kata Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Beliau yang juga Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, berkata, kepimpinan UMNO tidak akan menyekat anggota malah mereka boleh bercakap apa sahaja.

"Memanglah perhimpunan kita tidak pernah ada yang 'sejuk', semuanya 'panas'. Cuma

saya harap kita jangan emosi kali ini.

"Biar berbahas dengan semangat kekeluargaan," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat pasca kabinet di sini hari ini.

Jelas beliau, anggota UMNO berhak menyampaikan pandangan mereka atau memberi teguran tetapi biarlah dengan cara yang baik tanpa ada sebarang agenda tersembunyi.

Namun, mereka seharusnya menyuarakan pendapat dengan cara yang sederhana sesuai dengan adat orang Melayu.

Muhyiddin juga mahu perwakilan tidak

menyimpan sebarang rasa hati selepas tamat perhimpunan disebabkan ada anggota yang tidak pandai menghormati perasaan orang lain.

Menjawab soalan, beliau berkata, anggota UMNO yang diberi peluang untuk berucap pada perhimpunan kali ini perlu juga mengambil kira soal perpaduan dengan bangsa lain di negara ini.

"Mahu tidak mahu kita tidak boleh elak daripada perpaduan rakyat yang dipimpin oleh orang Melayu (UMNO)," katanya.

- Bernama